

Nik Aziz hantar surat .

BM 1 OCT 2002

KOTA BHARU, Isnin – Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, akan menghantar surat rasmi kepada Perdana Menteri hari ini bagi 'menjernihkan keadaan' berhubung isu kenyataannya yang mendakwa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak tahu membaca al-Quran.

Setiausaha Politiknya, Anual Bakhri Haron, berkata Nik Abdul Aziz menyambut baik kenyataan Dr Mahathir yang dilaporkan sedia memaafkannya selepas mengaku tersilap ketika berceramah.

"Menteri Besar menghargai kenyataan Dr Mahathir itu dan berpendapat cukuplah beliau membuat

kenyataan kepada media berhubung isu tersilap cakap dan memohon maaf ini.

"Beliau akan mengirim surat peribadi kepada Dr Mahathir bagi menjernihkan keadaan yang disifatkan sebagai menghenyakan suasana.

"Ia sekali gus meletakkan titik dalam isu ini dan

saya kira, wartawan boleh membuat kesimpulan bahawa tidak timbul lagi soal Nik Abdul Aziz memohon maaf kepada Dr Mahathir menerusi pentas ceramah.

"Dalam hal ini, maaf sudah diminta dan kemaafan juga sudah diberi," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pejabat Menteri

mohon maaf kepada PM

Besar di Kota Darul Naim hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak membenarkan wartawan melihat surat yang sudah siap ditaip untuk dihantar kepada Perdana Menteri kerana menyifatkannya sebagai 'melanggar amanah'.

"Saya hanya boleh mengesahkan ia adalah surat

dari Menteri Besar Kelantan kepada Perdana Menteri Malaysia," katanya.

Semalam, Dr Mahathir berkata, beliau sedia memaafkan Nik Abdul Aziz yang mendakwanya tidak tahu membaca al-Quran ketika berceramah di Sekolah Menengah Agama (A) Beris Lalang, Bachok, baru ini.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas, sebelum ini mengakui tersilap dan mendakwa apa yang ingin dikatakan sebenarnya ialah Dr Mahathir tidak tahu berbahasa Arab.

Beliau kemudian menyatakan kesediaan memohon maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir di pentas ceramah.

Seorang ahli perniagaan, Mohd Zain Yasim, 35, membuat laporan polis berhubung kenyataan berbentuk fitnah Nik Aziz terhadap Perdana Menteri itu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Bachok, dan membawa bersama kaset dipercayai mengandungi rakaman ucapan Nik Aziz sebagai bukti.